

UNIMAS terus perkasakan produk inovasi

on 11 December 2014.



KOTA SAMARAHAN, 11 Disember : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan terus mempergiatkan agenda kritikal dalam membawa produk-produk inovasi UNIMAS melalui peranan Pusat Transformasi Komuniti (UCTC) sejajar dengan usaha memenuhi misi UNIMAS memperkasakan rakyat.

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, program inovatif UCTC yang dilaksanakan akan memenuhi empat kriteria utama iaitu berimpak tinggi, kos rendah, pelaksanaan cepat dan perubahan yang mampan.

Menurut beliau, pelaksanaan program-program akan melibatkan peranan agensi kerajaan dan juga badan bukan kerajaan lain.

“ Dalam konteks sumbangan UNIMAS kepada industri kecil, penghasilan produk inovasi yang mengambil pendekatan pragmatik akan direkabentuk untuk membantu ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti bagi memenuhi keperluan industri ini.

“Penyelidik-penyelidik UNIMAS akan terus mempergiatkan usaha ke arah penghasilan produk inovasi dan kreatif dan sekarang inipun, sudah ada beberapa produk kita telah berjaya mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara,” katanya lagi.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian Hari Inovasi UNIMAS 2014 hari ini.

Menurut Naib Canselor, langkah seterusnya adalah usaha untuk membawa hasil-hasil inovatif ini ke fasa pengkomersilan.

Dalam majlis sama turut diadakan penyampaian hadiah anugerah dan sijil penghargaan kepada pemenang.

Cik Ng Poh Pheng dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, telah berjaya memenangi tiga anugerah inovasi individu menerusi produk inovasi beliau bertajuk Inovasi databes inventori dan penyenggaraan mikroskop makmal, Inovasi memulihkan bacaan skala pada permukaan alat radas kaca dan inovasi origami kotak serba guna.

Manakala anugerah yang sama turut dimenangi oleh Norisa Mohd Sahari dari Institut Informatik Sosial dan Teknologi Inovasi dengan produk inovasi sistem aset inventori di bawah 3k dan Mahani Huja Husin dari Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan produk inovasi cabutan bertuah berkomputer.

Manakala bagi pertandingan aktiviti promosi QE/5S telah dimenangi oleh Unit Audit Dalam, tempat kedua oleh Fakulti Sains Teknologi Sumber dan tempat ketiga Bahagian Penerbitan.

Bagi kategori sudut 5S terbaik telah dimenangi oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, tempat kedua oleh Bahagian Penerbitan dan ketiga dimenangi oleh Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Sementara itu, empat staf Unit Audit Dalam telah memenangi kategori kerja individu terbaik iaitu Aziz Hassan, Effida Liyana Zulkipli, Mohamad Azmi Sapaai dan Nor Ameara Eshak mana dua orang lagi dari Fakulti Sains Teknologi Sumber iaitu Fadly Faizal Rakawi dan Affizah Morshidi.

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia turut memenangi kategori inisiatif amalan reverse parking manakala Bahagian Sumber Manusia memenangi kategori kutipan tertinggi hari kitar semula 2014.

Sementara itu, sempena dengan sambutan hari inovasi di UNIMAS turut diadakan empat bengkel antaranya ISO 9001:2008 internal audit refresher, bengkel permurniaan kriteria anugerah inovasi PTJ cemerlang, bengkel pemurnian dokumen audit 5S dan seminar Academic program benchmarking.

Artikel : Sarena haidir || Foto : Azlandy M.A.T